

Headline	Laman sesawang tawar khidmat seks		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	01 Feb 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	1	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	386 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,158
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,475



Laman sesawang tawar khidmat seks

Pelacur ditempah tunggu pelanggan di hotel bajet

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohdiskandar@bharian.com.my

JOHOR BAHRU: Satu sindiket pelacuran yang beroperasi di bandar raya ini dikesan menggunakan taktik menawarkan wanita warga asing sebagai teman seks menerusi laman sesawang.

Difahamkan, sebaik saja pelanggan yang melayari dan membuat urus niaga melalui laman sesawang berkenaan, wanita warga asing yang memasuki negara ini sebagai pelancong akan dihantar ke lokasi yang ditetapkan.

Kebiasaannya, pelacur yang ditempah ditempatkan dalam bilik tertentu di hotel bajet sebelum wakil sindiket menghubungi pelanggan bagi memaklumkan mengenai urus niaga mereka.

Malah, sindiket itu juga dikatakan mengambil langkah berjaga-jaga dengan memilih pelanggan untuk mengelak dijejaki pihak berkuasa.

Namun, kegiatan sindiket itu terbongkar selepas polis menahan lima wanita warga China dalam ser-

buhan terhadap sebuah hotel bajet di Mount Austin di sini, malam kelmarin.

Pegawai Turus Pegawai Turus Bahagian Perjudian, Maksiat dan Kongsi Gelap (D7), Deputi Superintendan Mohammad Abd Hamid, berkata semua wanita berusia lingkungan 20-an itu ditahan hasil maklumat awam dan risikan.

"Dalam serbuan kira-kira jam 11.30 malam itu, polis turut menahan tiga lelaki tempatan berusia lewat 20-an dipercayai baru selesai melanggan wanita terbabit.

"Ketika serbuan, ada antara mereka yang enggan memberi kerjasama dan tidak mahu membuka pintu bilik masing-masing menyebabkan polis terpaksa mengambil kunci pendua untuk membukanya sebelum menahan mereka," katanya kepada pemberita di sini.

Mohammad berkata, semua urusan tempahan hotel diuruskan sindiket berkenaan, manakala pelanggan akan terus menuju ke bilik hotel yang ditetapkan bagi melangani wanita yang sedia menunggu di situ.

Hasil pemeriksaan juga mendapati, semua wanita warga asing terbabit memiliki dokumen per-

jalanan sah untuk memasuki negara ini sebagai pelancong, namun menyalahgunakannya dengan menawarkan seks kepada orang ramai dengan harga RM190 untuk setiap perkhidmatan.

"Sindiket terbabit dipercayai beroperasi sejak sebulan lalu berdasarkan rekod keluar masuk pasport wanita yang dirampas.

"Semua suspek kini ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 372 (b) Kanun Keseksaan kerana menjalankan kegiatan persundalan.

"Kita akan meneruskan siasatan untuk memburu sindiket ini dan saya berharap orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung kegiatan pelacuran, supaya tampil melaporkannya," katanya.

FAKTA NOMBOR

5

wanita

Warga asing ditahan di sebuah hotel bajet di Johor Bahru



WANITA warga asing yang ditahan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan.